



KENYATAAN MEDIA

SEKTOR KORPORAT DISARAN MENYOKONG PEMBIAYAAN IKLIM MELALUI LELONGAN KREDIT KARBON DI BAWAH BCX

Pada 25 Julai 2024, Bursa Carbon Exchange (BCX) akan melaksanakan lelongan kredit karbon yang dijana daripada sebuah projek karbon di Malaysia.

Lelongan ini merupakan satu peristiwa bersejarah kerana kredit karbon yang dijana daripada Projek Pemuliharaan Hutan Hujan Kuamut (Projek Kuamut) di Sabah ini merupakan kredit karbon keluaran Malaysia yang pertama dilelong di bawah BCX.

Projek ini telah dinilai dan diiktiraf sebagai kredit karbon *ex-ante* yang tinggi (dengan penilaian "Ae") oleh syarikat penilaian antarabangsa, *BeZero*. Lelongan ini juga bertujuan untuk membantu mengenalpasti harga pasaran bagi kredit karbon yang dijana di Malaysia, serta sebagai isyarat harga yang jelas untuk bakal pemaju projek yang ingin terlibat dalam inisiatif kredit karbon hutan di Malaysia.

Sehubungan itu, sebagai sokongan kepada inisiatif pembiayaan iklim, saya ingin menyeru kepada pihak korporat untuk menyertai lelongan kredit karbon daripada projek Kuamut ini.

Melalui lelongan ini, penyertaan badan korporat untuk melabur dalam kredit karbon merupakan satu langkah yang kukuh dalam merealisasikan aspirasi nasional untuk memupuk kerjasama awam-swasta bagi menangani isu perubahan iklim.

Syarikat-syarikat yang membeli kredit karbon ini secara tidak langsung menyumbang kepada pemeliharaan hutan semula jadi, pemeliharaan biodiversiti, membantu menangani perubahan iklim, serta menjana peluang ekonomi dan pekerjaan hijau yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Melalui sebuah proses yang telus dan sah, inisiatif ini adalah selaras dengan komitmen Kerajaan terhadap kelestarian, pematuhan kawalselia dan tanggungjawab sosial korporat bagi menjamin manfaat yang benar (*genuine*) kepada pemeliharaan alam sekitar diperolehi.

Melalui inisiatif oleh BCX ini juga, sokongan terhadap pasaran karbon Malaysia yang sedang membangun ini akan menjadi pemangkin kepada peningkatan projek-projek karbon dalam negara, sekaligus memupuk budaya inovasi dan amalan lestari.

Berdasarkan kepada perkembangan pasaran karbon sukarela di peringkat global, adalah penting bagi industri di Malaysia untuk menerima pakai inisiatif ini dalam memastikan Malaysia terus menjadi perintis kepada pembangunan lestari.

Dengan melabur dalam kredit karbon, badan-badan korporat bukan sahaja memperkasakan lagi jenama masing-masing, malahan ia juga mencerminkan golongan korporat sebagai peneraju di dalam pasaran karbon negara disamping menjamin masa depan yang lebih lestari untuk generasi akan datang.

Dengan itu, saya menyeru semua pihak yang berminat untuk mengambil bahagian dalam lelongan tersebut. Maklumat lebih lanjut berkenaan hal ini boleh didapati di pautan <https://bcx.bursamalaysia.com/web/auctiondetails2>.

NIK NAZMI NIK AHMAD

MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

24 JULAI 2024

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

 nresmalaysia